

# APB Rembau e-Bulletin

e-ISSN: 2682-776X

Edition: 14/2024

## EDITORIAL BOARD

### PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

### COORDINATOR

Prof. Madya Dr Norwati Hj Roslim

### CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke, Carolyn

### EDITORIAL COMMITTEE

Khairon Nisa Shafeei

Shahrul Muhazad Shahrudin

Nadiah Yahyauddin

### IN THIS ISSUE:

- \* Fun With Language
- \* Written Articles
- \* APB Rembau Activities  
(March to October 2024)

**LAPORAN MAJLIS PERJUMPAAN  
KAKITANGAN PUSAT PENGAJIAN  
SAINS MAKLUMAT, KOLEJ  
PENGAJIAN PENGKOMPUTERAN,  
INFORMATIK DAN MATEMATIK  
(PPSMKPPIM), UiTM CAWANGAN  
NEGERI SEMBILAN, KAMPUS  
REMBAU BERSAMA KETUA PUSAT  
PENGAJIAN BARU**

*Ditulis oleh: Ahmad Azman Bin Mohamad  
Ramli dan Dr Seri Intan Idayu binti  
Shahrul Asari*

Pada tarikh 2 September 2024, bersamaan hari Isnin, bermula pada pukul 10.30 pagi sehingga lebih kurang pukul 12 tengah hari, telah diadakan majlis perjumpaan kakitangan PPSMKPPIM bersama Ketua Pusat Pengajian PPSMKPPIM yang baru dilantik. Majlis tersebut berlangsung di Bilik Mesyuarat Tingkat 4, Bangunan Akademik, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau. Koordinator PPSMKPPIM iaitu Dr Seri Intan Idayu binti Shahrul Asari turut hadir dalam majlis perjumpaan ini.



**Gambar 1: Puan Nor Aishah binti Md Noh**

Ketua Pusat Pengajian PPSMKPPIM yang baru dilantik ini bernama Puan Nor Aishah binti Md Noh. Beliau merupakan pensyarah kanan yang bertugas di Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban.



**Gambar 2: Puan Nor Aishah sedang memberikan amanat**

Melalui majlis perjumpaan yang penuh mesra ini, Puan Nor Aishah telah memberikan amanat beliau kepada seluruh kakitangan PPSMKPPIM yang hadir. Di antara inti pati amanat beliau dalam majlis ini ialah beliau berharap agar semua urusan di PPSMKPPIM akan dapat terus berjalan dengan lancar dan PPSMKPPIM akan terus cemerlang.

Para kakitangan PPSMKPPIM yang hadir dalam perjumpaan ini juga turut diberikan peluang untuk berinteraksi memberikan idea dan melaporkan permasalahan kepada Puan Nor Aishah.

Majlis perjumpaan ini berlangsung dengan penuh mesra dan diakhiri dengan majlis makan tengah hari di Bilik Rehat

Pensyarah, Tingkat 2, Bangunan  
Akademik, UiTM Cawangan Negeri  
Sembilan, Kampus Rembau.